


Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah  
Volume 22 No. 1 (2026)  
ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328  
Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **The Theme of *Tasliyah* Verses Based on Imam al-Razi's Exegesis: An Analysis of *Mafatih al-Ghayb***
- Author (s) : A'inushafiah Binti Abas, Muhammad Arif Bin Musa, Abdul Muhaimin Ahmad
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.593>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 28, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Ainushafiah Binti Abas, Muhammad Arif Bin Musa, & Abdul Muhaimin Ahmad. Tema Ayat Tasliyah Berdasarkan Tafsiran Imam Al-Razi: Analisis Tafsir Mafatih al-Ghayb: The Theme of Tasliyah Verses Based on Imam al-Razi's Exegesis: An Analysis of Mafatih al-Ghayb. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 495–517. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.593>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest.

# Tema Ayat *Tasliyah* Berdasarkan Tafsiran Imam Al-Razi: Analisis *Tafsir Mafatih al-Ghayb*

## The Theme of *Tasliyah* Verses Based on Imam al-Razi's Exegesis: An Analysis of *Mafatih al-Ghayb*

A'inushafiah Binti Abas\*  
Muhammad Arif Bin Musa  
Abdul Muhaimin Ahmad  
Faculty of Quranic and Sunnah Studies  
Universiti Sains Islam Malaysia

### Abstrak

Ayat *tasliyah* dalam al-Quran merujuk kepada ayat-ayat yang diwahyukan Allah bagi menenangkan dan menguatkan jiwa Rasulullah SAW. *Tasliyah* turut difahami sebagai usaha memasukkan kegembiraan ke dalam jiwa serta menghilangkan kesedihan dan tekanan perasaan. Istilah *tasliyah* banyak digunakan oleh Imam al-Razi dalam huraian tafsirnya melalui *Tafsir Mafatih al-Ghayb*. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis ayat *tasliyah* sebagaimana dihuraikan oleh Imam al-Razi dalam *Tafsir Mafatih al-Ghayb* dengan menumpukan kepada dua tema utama, iaitu *tasliyah* melalui arahan rohani serta *tasliyah* melalui perspektif akhirat dan kefanaan dunia. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis tematik terhadap teks tafsir Imam al-Razi, khususnya terhadap ayat-ayat yang secara jelas menyebutkan frasa *tasliyah*. Analisis ini bertujuan mengenal pasti tema dan corak pendekatan *tasliyah* yang diketengahkan oleh Imam al-Razi dalam pentafsirannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Imam al-Razi menggariskan corak *tasliyah* melalui arahan rohani dengan menekankan disiplin ibadah seperti sabar, solat, syukur, tawakal dan reda. Arahan ini berfungsi sebagai strategi bimbingan jiwa yang membina daya tahan rohani serta memperkukuh kebergantungan mutlak kepada Allah. Selain itu, Imam al-Razi turut menghuraikan *tasliyah* melalui perspektif akhirat dengan mengalihkan perhatian daripada kefanaan dunia kepada realiti akhirat yang kekal, sekali gus membina kesedaran yang mendorong kekuatan psikologi jangka panjang dalam menghadapi ujian kehidupan. Hasil kajian mengenal pasti sebanyak 80 ayat yang dikategorikan sebagai ayat *tasliyah* oleh Imam al-

---

\*Correspondence concerning this article should be addressed to A'inushafiah Binti Abas, Universiti Sains Islam Malaysia at [aainushafiahabas@gmail.com](mailto:aainushafiahabas@gmail.com)

Razi. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan Imam al-Razi terhadap *tasliyah* menggabungkan unsur pujukan emosi dengan hujah rasional. Pendekatan ini memperlihatkan *tasliyah* sebagai suatu strategi Qurani yang berfungsi menstrukturkan semula kesedaran mukmin terhadap makna ujian, kefanaan dunia dan hakikat akhirat.

**Kata kunci:** Analisis, Ayat *Tasliyah*, Imam al-Razi, *Tafsir Mafatih al-Ghayb*.

### Abstract

The verses of *tasliyah* in the Quran refer to the verses revealed by Allah to comfort and strengthen the soul of the Prophet Muhammad (PBUH). *Tasliyah* is also understood as the act of instilling joy into the soul while alleviating sadness and emotional distress. The term *tasliyah* is frequently employed by Imam al-Razi in his exegetical discussions in *Tafsir Mafatih al-Ghayb*. Accordingly, this study aims to analyze the verses of *tasliyah* as interpreted by Imam al-Razi in *Tafsir Mafatih al-Ghayb*, focusing on two main themes: *tasliyah* through spiritual instruction and *tasliyah* through the perspective of the hereafter and the transience of the world. This study employs content analysis and thematic analysis of Imam al-Razi's tafsir, particularly on verses that explicitly mention the term *tasliyah*. The analysis aims to identify the themes and patterns of the *tasliyah* approach highlighted by Imam al-Razi in his interpretation. The findings show that Imam al-Razi outlines a pattern of *tasliyah* through spiritual instruction by emphasizing acts of worship such as patience, prayer, gratitude, *tawakkal*, and *redha*. These instructions function as a strategy of spiritual guidance that cultivates spiritual resilience and strengthens absolute reliance on Allah. In addition, Imam al-Razi also explains *tasliyah* through the perspective of the hereafter by redirecting attention from the transience of worldly life to the eternal reality of the hereafter, thereby fostering an awareness that encourages long-term psychological strength in facing life's trials. The study identified a total of 80 verses categorized as *tasliyah* by Imam al-Razi. This study concludes that Imam al-Razi's approach to *tasliyah* integrates emotional persuasion with rational argumentation. This approach demonstrates that *tasliyah* functions as a Qur'anic strategy that restructures the believers' awareness of the meaning of trials, the transience of worldly life, and the ultimate reality of the hereafter.

**Keywords:** Analysis, Verses of *Tasliyah*, Imam al-Razi, *Tafsir Mafatih al-Ghayb*.

## Pendahuluan

Al-Quran mengandungi pelbagai konsep serta teori yang berkisar tentang kehidupan untuk memandu kesejahteraan manusia. Kehebatan al-Quran bukan sekadar tertumpu kepada isi kandungannya sahaja bahkan ia turut mencakupi aspek dialog yang mengandungi mesej tersirat di sebalik wahyu yang termaktub di dalamnya.<sup>1</sup> Antara pendekatan menarik yang dibawa al-Quran adalah *tasliyah*. Satu kajian lepas menyebutkan bahawa hasil pentafsiran ayat *tasliyah* dapat memberi gambaran bahawa antara cara untuk manusia mencapai ketenangan adalah melalui sentuhan dan didikan al-Quran.<sup>2</sup>

Definisi bagi *tasliyah* dalam al-Quran adalah memasukkan kegembiraan serta ketenangan ke dalam hati dan jiwa umat Islam.<sup>3</sup> *Tasliyah* menurut Imam al-Manawi dalam kitabnya *Faidh al-Qadir* adalah ayat untuk meringankan keresahan dan kesedihan yang ada dalam jiwa manusia.<sup>4</sup> Al-Quran menyampaikan mesej *tasliyah* kepada manusia untuk meringankan bebanan serta tekanan yang mereka alami dalam kehidupan seharian. Ianya membawa fungsi serta peranan penting dalam kehidupan orang beriman. Pada setiap konteks dakwah dan pelbagai ujian yang dihadapi oleh Rasulullah SAW, ayat-ayat *tasliyah* diturunkan bagi memberikan ketenangan serta menyejukkan hati baginda ketika berdepan dengan tekanan dan penentangan yang hebat dari pihak musuh.<sup>5</sup> Ayat *tasliyah* banyak dikaitkan dengan perkataan lain yang membawa maksud hampir sama seperti perkataan *muwasah*, *tasriah* dan *tama'ninah*. Perkataan-perkataan ini tidak ditemui dalam al-Quran dan hanya ditemui dalam huraian tafsir dari ulama tafsir dalam kitab tafsir mereka. Dan semua istilah itu akan dikembalikan maksudnya kepada perkataan *tasliyah*.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Muhamad Khairul Anuar dan Mohd Zulkhairi Abd Hamid, "Unsur tarbiyah di sebalik gaya bahasa dialog Nabi Ibrahim dengan Azar," *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies* 4, no. 1 (2021): 227.

<sup>2</sup> Rahim, K. Z., Khairulnazrin Nasir, dan Saifullah Mamat. "Interpretasi Ayāt Al-Tasliyah: Penelitian Mekanisme Alternatif Rawatan Psikoterapi Pesakit Neurosis Berteraskan Al-Quran." *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Kali Ke-4 (Pasak 4 2019)*: 93-105

<sup>3</sup> Zahran, Umar Zahran. "Al-Tasliyah fi Al-Quran Al-Karim Dirasah Maudhu'iyah". *Tasliyah dalam al-Quran: Satu Kajian Tematik*. Palestin: Universiti al-Najah al-Wataniyah. (2017): 2.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hal. 4.

<sup>5</sup> Rahim, K. Z., Khairulnazrin Nasir, dan Saifullah Mamat. "Interpretasi Ayāt Al-Tasliyah: Penelitian Mekanisme Alternatif Rawatan Psikoterapi Pesakit Neurosis Berteraskan Al-Quran." *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Kali Ke-4 (Pasak 4 2019)*: 93-105

<sup>6</sup> Zahran, Umar Zahran. "Al-Tasliyah fi Al-Quran Al-Karim Dirasah Maudhu'iyah". *Tasliyah dalam al-Quran: Satu Kajian Tematik*. Palestin: Universiti al-Najah al-Wataniyah. (2017): 2.

Kajian ayat *tasliyah* yang dijalankan dalam kajian ini adalah berfokus kepada kitab tafsir karangan Imam al-Razi iaitu *Tafsir Mafatih al-Ghayb* yang juga dikenali dengan nama *Tafsir al-Kabir*. Kitab ini merupakan kitab tafsir karangan Imam al-Razi yang masyhur dalam ilmu pentafsiran al-Quran. Tafsir ini dikategorikan sebagai tafsir *bi al-Ra'yi*. Para ulama tafsir sendiri telah menggolongkan *Tafsir Mafatih al-Ghayb* ini dalam kategori tafsir *bi al-Ra'yi al-Mahmud*, yakni tafsir *bi al-Ra'yi* yang objektif, berada di atas aqidah yang benar, dan berpijak pada tujuan yang jelas iaitu ilmu.<sup>7</sup> Penggunaan metode tahlili menjadikan karya Imam al-Razi ini mempunyai perbincangan yang komprehensif. Perbincangan yang luas menjadikan kitab ini sebagai salah satu rujukan dalam pentafsiran al-Quran hingga hari ini. Kitab tafsir ini mengulas pelbagai aspek, seperti kajian ilmu al-Quran mahupun disiplin keilmuan lainnya.<sup>8</sup>

Meskipun Imam al-Razi memiliki keahlian yang luas dalam pelbagai disiplin ilmu, namun dalam penulisan *Tafsir Mafatih al-Ghayb* beliau tidak menterjemahkannya dari pengetahuan sendiri, melainkan sentiasa merujuk kepada sumber-sumber yang sahih. Dari usaha sedemikian, isi dari kitab tafsir karya Imam al-Razi ini mempunyai justifikasi yang kukuh secara ilmiah.<sup>9</sup> Tafsir ini lebih tepat digambarkan sebagai sebuah ensiklopedia besar dalam bidang ilmu alam serta ilmu-ilmu yang berkaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan ilmu tafsir dan semua disiplin ilmu yang diperlukan untuk memahaminya.<sup>10</sup>

Imam al-Razi dalam huraian ayat *tasliyah* pada tafsirnya menyebutkan bahawa tujuan *tasliyah* adalah mengikut kepada keadaan tertentu. Antaranya adalah untuk memujuk, memberi semangat, meningkatkan motivasi serta memberi ketenangan kepada Rasulullah SAW dan orang beriman. Setiap manusia pasti akan diuji dalam kehidupannya. Manusia yang paling berat ujiannya adalah para nabi, dan yang paling berat di antara mereka pula adalah pemimpin para nabi iaitu Rasulullah SAW. Teras utama yang wajib ada dalam pemikiran orang beriman ketika diuji dengan

---

<sup>7</sup> Alis Muhlis dan Za'im Kholilatul Ummi, "Pemaknaan Ayat Seribu Dinar (Studi Komparasi antara Tafsir Rūh al-Ma'ānī Karya Al-Alusi dan Tafsir Mafātih al-Ghaib Karya Al-Razi)". *Al-Tadabbur: Jurnal Kajian Sosial, Peradaban dan Agama*, Vol. 6, No. 1 (2020): 51-80

<sup>8</sup> Ulil Azmi, "Studi Kitab Tafsir Mafatih Al-Ghaib Karya Ar-Razi". *Basa'ir: Jurnal Studi Al-Quran dan Tafsir*. (2022). 119-127.

<sup>9</sup> Nazzala Aulian Nafi', Miftarah Ainul Mufid, Ahmad Zainuddin, dan Wiwin Anis Rohtih. "Konsep Berpikir Kritis Perspektif Imam Fakhruddin ar-Razi (Interpretasi QA. Ali Imran: 190-191 dan Qs. Az-Zumar: 18)". *Triwikrama: jurnal Multidisiplin Ilmu Sosial*, Vol. 1, No. 2 (2023). 23-40.

<sup>10</sup> Alis Muhlis dan Za'im Kholilatul Ummi, "Pemaknaan Ayat Seribu Dinar (Studi Komparasi antara Tafsir Rūh al-Ma'ānī Karya Al-Alusi dan Tafsir Mafātih al-Ghaib Karya Al-Razi)". *Al-Tadabbur: Jurnal Kajian Sosial, Peradaban dan Agama*, Vol. 6, No. 1 (2020): 51-80

ujian adalah aspek harapan yang diungkapkan sebagai langkah optimis dalam Islam.<sup>11</sup> Oleh itu, al-Quran memberi banyak panduan serta dalam masa yang sama membawa tujuan untuk memujuk, memberi semangat dan menguatkan hati Rasulullah SAW serta orang-orang beriman keseluruhannya.<sup>12</sup> Islam menekankan bahawa ada ganjaran menanti orang beriman yang ikhlas dalam doa dan munajat mereka.<sup>13</sup>

Konsep *tasliyah* turut disentuh dalam pelbagai kitab tafsir muktabar, namun antara penjelasan paling komprehensif ditemui dalam karya Imam Fakhrudin al-Razi dengan 81 kali pengulangan dalam huraian tafsir beliau yang melibatkan 41 surah berbeza merangkumi surah *makkiyah* dan *madaniyyah*. Selain daripada jumlah pengulangan, pemilihan *Tafsir Mafatih al-Ghayb* sebagai sumber utama bagi kajian ini juga didorong oleh keluasan perbincangan beliau terhadap ayat-ayat *tasliyah*. Tambahan pula, pendekatan tafsiran yang mendalam dan meluas oleh Imam al-Razi memberikan justifikasi ilmiah yang kukuh bagi pemilihan karya ini sebagai rujukan utama.

Kajian ini akan membahaskan dua tema *tasliyah* iaitu *tasliyah* melalui arahan rohani dan *tasliyah* melalui perspektif akhirat dan kefanaan dunia. Justifikasi pemilihan dua tema ini berasaskan dominasi corak pentafsiran Imam al-Razi terhadap ayat *tasliyah* iaitu pendekatan *tasliyah* melalui arahan rohani dan pendekatan *tasliyah* melalui kefahaman tentang perspektif akhirat dan hakikat dunia yang tidak kekal. Satu kajian menyebutkan bahawa kepentingan solat dalam kehidupan berdasarkan perspektif al-Quran adalah untuk melatih disiplin diri, membina kesihatan jasmani dan rohani serta melatih diri dengan sifat sabar dan tawakal<sup>14</sup> yang mengukuhkan lagi justifikasi ini bahawa *tasliyah* melalui arahan rohani yang ditambah dengan *tasliyah* melalui kefahaman tentang perspektif akhirat penting dalam kehidupan manusia.

Berdasarkan sorotan literatur, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan ayat *tasliyah*. Walau bagaimanapun, perbincangan tersebut tertumpu kepada ayat *tasliyah* secara umum tanpa memberikan fokus kepada mana-mana kitab tafsir secara khusus, khususnya *Tafsir Mafatih al-Ghayb*

---

<sup>11</sup> Nor Jannah, Najwa Hanim, Zul Azlin, Muhammad Al-Siddiq, dan Mohd Razali. "Grief & Personal Growth: Reflection from Quran, Hadith and Modern Medicine". IIUM Medical Journal Malaysia 17, Vol. 2 (2018): 243-248.

<sup>12</sup> M. Hamid Syahir Farhan. "*Tasliyah al-Quran al-Mubin li al-Nabi Khotim al-Mursalin*," Jurnal Kuliah Ulum Islamiyah. (2012): 312-339

<sup>13</sup> Op. Cit

<sup>14</sup> Abid Nurhuda, Inamul Hasan, dan Ts. Engku Shahrulerizal. "The Urgency Of Prayer In Life Based On The Al-Qur'an Perspective". Lisan Al-Hal: Jurnal Pengembangan Pemikiran dan Kebudayaan, Vol. 17, No. 1 (2023): 52-61.

karya Imam al-Razi. Berpandukan kepada kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik dari Universiti Malaya pada tahun 2019, kumpulan penyelidik bagi kajian itu mencadangkan supaya dilakukan kajian lanjutan tentang kaedah terbaik untuk melaksanakan model psikoterapi berteraskan ayat *tasliyah*. Hal ini kerana, kerangka teori bagi model psikoterapi berteraskan ayat *tasliyah* dilihat sesuai untuk diaplikasi oleh umat Islam.<sup>15</sup> Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada ayat *tasliyah* berdasarkan tafsiran Imam al-Razi di dalam *Tafsir Mafatih al-Ghayb*. Kajian juga bertujuan untuk melaksanakan kajian lanjutan daripada kajian di atas dengan melihat bagaimana Imam al-Razi memanfaatkan *tasliyah* dari *Tafsir Mafatih al-Ghayb* melalui dua tema utama iaitu tema arahan rohani dan tema perspektif akhirat serta kefanaan dunia.

## 2. Tinjauan Literatur

Ujian adalah perkara sinonim dengan kehidupan dunia. Setiap manusia pasti akan diuji dalam kehidupannya. Manusia yang paling berat ujiannya adalah para nabi, dan yang paling berat di antara mereka pula adalah pemimpin para nabi iaitu Rasulullah SAW. Oleh itu, hadirnya al-Quran memberikan banyak panduan serta dalam masa yang sama membawa tujuan untuk memujuk, memberi semangat dan menguatkan hati Baginda serta orang-orang beriman keseluruhannya.<sup>16</sup>

Berdasarkan al-Quran, Islam mengajarkan manusia cara-cara untuk menghadapi pelbagai permasalahan. Al-Quran menawarkan alternatif penyelesaian dalam menghadapi cabaran, kesulitan, dan permasalahan hidup dengan membawa tujuan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam (*rahmatan li al-alam*). Ajaran-ajaran Islam sentiasa menekankan kesejahteraan serta kemaslahatan kehidupan manusia di dunia.

Firman Allah:

مَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتَشْقَىٰ ۝٢

---

<sup>15</sup> Rahim, K. Z., Khairulnazrin Nasir, dan Saifullah Mamat. "Interpretasi Ayāt Al-Tasliyah: Penelitian Mekanisme Alternatif Rawatan Psikoterapi Pesakit Neurosis Berteraskan Al-Quran." *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Kali Ke-4 (Pasak 4 2019)*: 93-105

<sup>16</sup> M. Hamid Syahir Farhan. "*Tasliyah al-Quran al-Mubin li al-Nabi Khotim al-Mursalin*," *Jurnal Kuliah Ulum Islamiyah*. (2012): 312-339.

Maksudnya: “Kami tidak menurunkan Al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau menanggung kesusahan.”<sup>17</sup> (Surah Ta-ha, 20:2)

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap umat Islam yang bersungguh-sungguh mengikuti petunjuk al-Quran sudah pasti dijamin kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat.<sup>18</sup>

Kepakaran dan kebijaksanaan Imam al-Razi dipentas ilmu sememangnya dikagumi. Beliau dipuji dan diangkat ke martabat yang tinggi.<sup>19</sup> Dalam penulisan tafsirnya, Imam al-Razi memilih metode tafsir *tahlili*, iaitu pendekatan analisis yang bersifat terperinci dan sistematik. Penggunaan metode *tahlili* menjadikan tafsir karangan Imam al-Razi ini mempunyai perbincangan yang komprehensif.<sup>20</sup> Beliau mengemukakan ijtihad setelah menguasai pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan dengan bidang tafsir. Hal ini menunjukkan bahawa corak *Tafsir Mafatih al-Ghayb* tergolong dalam kategori *tafsir bi al-ra'y*.<sup>21</sup>

Ayat yang dikategorikan sebagai *tasliyah* ini diturunkan dengan latar belakang situasi yang sukar serta penuh penderitaan bagi umat Islam ketika itu. Ia merupakan penawar bagi kesakitan yang dirasakan mereka ketika itu dan membawa kekuatan supaya kekal teguh di atas pendirian bersama Islam. Terdapat banyak ayat yang mengandungi makna hiburan, pujukan serta motivasi ini dalam al-Quran. Ini menunjukkan hubungan yang kukuh antara Allah dengan hamba-hamba-Nya, serta menunjukkan hubungan antara metodologi dan realiti. Kesusahan adalah perkara biasa bagi orang yang soleh dan ini adalah ujian dari Allah untuk mengajarnya keteguhan hati, tanpa merasa takut atau berduka. Oleh itu, mereka akan menjadi lebih yakin akan janji Allah kepada mereka.<sup>22</sup>

---

<sup>17</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 Juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 633.

<sup>18</sup> Evita Yuliatul Wahidah. “Resiliensi Perspektif al-Quran”. Jurnal Islam Nusantara, Vol. 02, No. 01 (2018): 105-120.

<sup>19</sup> Ahmad Nazri. Tafsiran Ayat-Ayat Sifat: Perbandingan Antara Fakhr Al-Din Al-Razi dan Ibn Taymiyyah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (2010).

<sup>20</sup> Ulil Azmi. “Studi Kitab Tafsir Mafatih Al-Ghaib Karya Ar-Razi”. Basha'ir: Jurnal Studi Al-Qur'an dan Tafsir. (2022).

<sup>21</sup> Alis Muhlis dan Za'im Kholilatul Ummi, “Pemaknaan Ayat Seribu Dinar (Studi Komparasi antara Tafsir Rūh al-Ma'ānī Karya Al-Alusi dan Tafsir Mafātih al-Ghaib Karya Al-Razi)”. Al-Tadabbur: Jurnal Kajian Sosial, Peradaban dan Agama, Vol. 6, No. 1 (2020): 51-80

<sup>22</sup> Zahran Umar dan Muhsin Samih. “Tasliyah al-Anbiya' wa al-Auliya' Dirasah Quraniyah.” An-Najah Journal. (2018).

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berkonsepkan analisis kandungan dan analisis tematik. Pendekatan kualitatif sesuai untuk kajian ini kerana ia memberi tumpuan kepada analisis mendalam terhadap teks tafsir al-Quran secara khususnya dari Tafsir Mafatih al-Ghayb.

Analisis kandungan yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menjadikan kitab *Tafsir Mafatih al-Ghayb* sebagai sumber premier dalam mengenalpasti dan menganalisis maksud ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan topik kajian. Langkah-langkah pengumpulan data adalah seperti berikut:

- a) Pengenalpastian ayat tasliyah: Pengkaji terlebih dahulu mengkaji kitab *Tafsir Mafatih al-Ghayb* menggunakan platform *Maktabah Syamilah* untuk mengenalpasti ayat-ayat yang mengandungi perkataan *tasliyah* dengan menggunakan perkataan dasar bagi *tasliyah* seperti يسلي, سلى dalam bahasa Arab serta perkataan التسلية, تسلية, and لتسلية. *Maktabah Syamilah* digunakan sebagai platform utama untuk mengakses kitab *Tafsir Mafatih al-Ghayb* secara digital, memudahkan pencarian dalam mengenalpasti ayat-ayat *tasliyah*. Ini mempercepatkan proses pengumpulan data serta memastikan akses kepada sumber tafsir yang asli dan lengkap.
- b) Pengkelasan ayat: Setelah ayat-ayat *tasliyah* dikenal pasti, pengkaji akan mengklasifikasikan ayat-ayat tersebut mengikut surah, maksud *tasliyah* dan sebab penurunan ayat yang disampaikan oleh Imam al-Razi dalam tafsirnya. Setiap ayat yang dikenalpasti akan dianalisis dengan merujuk kepada huraian dan tafsiran yang diberikan dalam tafsir.
- c) Pembangunan tema: Pembahagian tema *tasliyah* dilakukan, setiap ayat akan dianalisis melalui frasa *tasliyah* yang disebutkan Imam al-Razi dan sebab penurunan yang dikaitkan oleh Imam al-Razi sebagai *tasliyah*.

Analisis tematik yang dijalankan dalam kajian ini adalah berdasarkan kitab *Tafsir Mafatih al-Ghayb* dengan mengkelaskan ayat *tasliyah* mengikut tema yang berkaitan seperti tema berdasarkan peperangan serta tema berdasarkan pembahagian ayat makkiyah atau madaniyah. Analisis ini adalah untuk membangunkan tema berdasarkan tafsiran Imam al-Razi terhadap ayat *tasliyah*. Proses ini melibatkan:

- a) Pengkelasan data: Pengkaji akan menyusun data ayat *tasliyah* dari tafsiran Imam al-Razi ke dalam kategori yang mewakili tema utama contohnya ayat pengharapan, kesabaran dan ketenangan hati.
- b) Pembangunan tema: Setelah pengkelasan data dilakukan, tema berasaskan tafsiran Imam al-Razi akan dibangunkan berdasarkan hubungan antara ayat *tasliyah* dan huraian dari tafsir beliau.
- c) Interpretasi: Setiap tema yang dibangunkan akan dianalisis secara mendalam untuk menilai tafsiran Imam al-Razi dan kaitannya dengan tema tasliyah melalui arahan rohani dan tema tasliyah melalui perspektif akhirat dan kefanaan dunia.

Metode kajian yang digunakan dalam kajian ini memberi penekanan kepada analisis teks dan tema untuk membolehkan pengkaji mengenal pasti dan memahami tafsiran Imam al-Razi terhadap ayat *tasliyah* secara mendalam. Ini akan menyumbang kepada pembinaan tema berdasarkan analisis tafsir, serta memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai implikasi psikologi dan rohani daripada ayat-ayat yang dikategorikan sebagai ayat *tasliyah* menurut tafsiran Imam al-Razi. Kertas kerja ini akan menumpukan kepada analisis ayat yang melibatkan dua tema utama iaitu tema *tasliyah* melalui arahan rohani dan tema *tasliyah* melalui perspektif akhirat dan kefanaan dunia.

#### 4. Pengertian *Tasliyah* Secara Bahasa Dan Istilah

*Tasliyah* atau “التسليية” dari bahasa menurut Mu’jam al-Wasit adalah berasal dari perkataan "انسلى" yang dimaksudkan dengan melupakan kesedihan atas ujian yang menimpa. Perkataan *tasliyah* juga dimaksudkan dengan "انكشف".<sup>23</sup> Menurut *Mu’jam al-Ma’ani al-Jam’i*, perkataan *tasliyah* juga dimaksudkan dengan hiburan. Pada dasarnya elemen hiburan bertujuan untuk memberikan kelegaan, menyebarkan kegembiraan, serta membawa ketenangan dalam jiwa manusia.<sup>24</sup> Akan tetapi, dalam konteks kajian ini, *tasliyah* yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah lebih cenderung kepada ayat yang membawa ketenangan.

<sup>23</sup> *Majma’ al-Lughati al-‘Arabiyyah. “Al-Mu’jam al-Wasit”. Maktabah al-Syuruq al-Dauliyah: Mesir. (2011).*

<sup>24</sup> Mu’jam al- Ma’ani al-Jami’. Almaany.com. (2025).

*Tasliyah* dari makna istilah merujuk kepada proses meredakan tekanan emosi dan kesedihan yang dialami oleh individu. Istilah ayat *tasliyah* juga merujuk kepada ayat-ayat al-Quran yang diwahyukan untuk menenangkan Rasulullah SAW.<sup>25</sup> *Tasliyah* juga dimaksudkan dengan tindakan yang mengurangkan penderitaan dan kesedihan melalui pendekatan atau kaedah tertentu.<sup>26</sup> Berdasarkan penelitian kajian, pengertian *tasliyah* pada istilah tidak jauh berbeza dengan pengertian *tasliyah* pada bahasa. Kedua-duanya membawa maksud untuk meringankan kesakitan seseorang dengan memberikan sokongan moral dan mengucapkan kata-kata yang menenangkan hati. Namun dapat dilihat bahawa definisi *tasliyah* dari sudut istilah lebih fokus untuk menyampaikan tujuan utama *tasliyah*, iaitu untuk menghilangkan kesedihan yang membebani jiwa seseorang.<sup>27</sup>

Ayat *tasliyah* tidak disebutkan secara khusus dalam al-Quran dengan menggunakan perkataan *tasliyah* mahupun kata dasar bagi perkataan *tasliyah*. Tetapi ayat *tasliyah* adalah ayat yang dikategorikan oleh para ulama tafsir dalam karya mereka mengikut sebab penurunan sesuatu ayat dan juga maksud yang dibawa ayat itu sendiri.<sup>28</sup> Tema ayat *tasliyah* ini adalah berpandukan kepada hasil analisis terhadap huraian Imam al-Razi bagi setiap ayat *tasliyah* yang diperolehi daripada karya beliau iaitu *Tafsir Mafatih al-Ghayb*. Berikut merupakan tema yang ingin dibentangkan di dalam kertas kerja ini.

## 5. Tema *Tasliyah* Melalui Arahan Rohani

Tema *tasliyah* melalui arahan rohani menurut Imam al-Razi bermaksud Allah memberi *tasliyah* melalui arahan untuk bersabar, menunaikan solat dan bersyukur. Arahan rohani ini juga adalah perkara asas yang perlu dipersiapkan untuk menghadapi tekanan dakwah.<sup>29</sup> Contohnya adalah *tasliyah* melalui arahan sabar. Sifat sabar boleh menjadi salah satu bentuk

<sup>25</sup> Ahmad Mukhtar. “*Mu’jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu’asirah*”, *‘Alam al-Kutub*: Kaheerah.(2008), hlm. 464.

<sup>26</sup> Aqil Mujtaba, Abu Bakar. “Elaboration Of *Tasliyah* Verses: A Hermeneutic Study On’hāshiyah As-Sāwi ‘Alā Tafsīr Al-Jalālain”. *Jurnal Ilmiah Al-Mu’ashirah: Media Kajian Al-Qur’an dan Al-Hadits Multi Perspektif*, (2024). 21(1): 80-91.

<sup>27</sup> Zahran, Umar Zahran. “Al-*Tasliyah* fi Al-Quran Al-Karim Dirasah Maudhu’iyah”. *Tasliyah dalam al-Quran: Satu Kajian Tematik*. Palestin: Universiti al-Najah al-Wataniyah. (2017)

<sup>28</sup> Op. Cit.

<sup>29</sup> Abid Nurhuda, Inamul Hasan, dan Ts. Engku Shahrulerizal. “The Urgency Of Prayer In Life Based On The Al-Qur’an Perspective”. *Lisan Al-Hal: Jurnal Pengembangan Pemikiran dan Kebudayaan*, Vol. 17, No. 1 (2023): 52-61.

rawatan terhadap gangguan mental melalui pendekatan kawalan diri, penerimaan diri, dan daya tahan emosi.<sup>30</sup> Berikut adalah ayat yang dikenalpasti bertepatan dengan tema *tasliyah* melalui arahan rohani:

### 5.1 Surah Al-Baqarah: 45

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ٤٥

Maksudnya: “Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk.”<sup>31</sup>

Analisis kalam Imam al-Razi:

Ayat ini memberikan *tasliyah* yang membawa ketenangan kepada orang beriman, terutamanya dalam menghadapi kedegilan manusia terhadap kebenaran. Menurut Imam al-Razi, *tasliyah* dalam ayat ini terletak pada arahan sabar dan solat yang dapat membawa ketenangan dalam hidup manusia. Allah memerintahkan agar orang beriman menghadapi kesusahan dengan sabar dan solat.<sup>32</sup> Dua elemen yang menghubungkan jiwa manusia dengan ketenangan ilahi. Sabar adalah bentuk ketahanan untuk menghadapi penderitaan, manakala solat pula adalah tempat perlindungan rohani yang menguatkan hubungan dengan Allah. Ayat ini juga membawa pujukan agar orang beriman tahu bahawa mereka tidak bersendirian. Allah memberikan *tasliyah* sebagai alat yang mampu menenangkan dan membantu mereka mengatasi ujian hidup. Bentuk *tasliyah* yang dikenalpasti pada ayat ini adalah sentuhan *tasliyah* melalui arahan sabar dan solat untuk memberi ketenangan dalam hidup.

### 5.2 Surah Ali Imran: 186

لَنُبَلِّغَنَّ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَنَسْمَعَنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا وَإِنْ  
تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ١٨٦

<sup>30</sup> Shinta Nuriya, Achmad Khudori, dan Muhammad Rafi. “The Role of Patience in Coping Mental Problems: A Quranic Perspective. Tribakti Jurnal Pemikiran Keislaman (2023), 34 (2): 195-212.

<sup>31</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu’. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 16.

<sup>32</sup> Fakhr al-Din al-Razi. Mafatih al-Ghayb. Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi: Beirut. (2000), hlm. 60.

Maksudnya: “Demi sesungguhnya kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. Dan demi sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang yang telah diberikan Kitab dahulu daripada kamu dan orang-orang yang musyrik banyak (tuduhan-tuduhan dan cacian) yang menyakitkan hati. Dalam pada itu, jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya).”<sup>33</sup>

Analisis kalam Imam al-Razi:

Ayat ini merupakan kesinambungan kepada *tasliyah* yang diberikan Allah kepada Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda selepas Perang Uhud. Allah memberi peringatan bahawa ujian dan penderitaan daripada orang kafir tidak terhenti pada satu waktu sahaja, tetapi mereka akan berterusan menyakiti orang beriman dalam pelbagai cara sama ada dengan menyakiti tubuh badan atau harta benda.<sup>34</sup> Penjelasan ini adalah untuk mempersiapkan jiwa orang beriman agar tidak terkejut atau lemah apabila datangnya ujian. Dengan mengetahui lebih awal bahawa penderitaan itu adalah sebahagian daripada perjalanan dakwah, mereka akan lebih kuat dan bersabar menghadapinya. Bentuk *tasliyah* Imam al-Razi bagi ayat ini adalah dengan pemberitahuan awal dari Allah yang dapat memberi kekuatan jiwa dengan ilmu dan kesedaran, supaya kesakitan yang dialami terasa lebih ringan apabila ia dihadapi dengan persiapan hati dan keyakinan terhadap hikmah dan ganjaran daripada Allah.

### 5.3 Surah Al-Maidah: 27

وَأْتَلْ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقُبِّلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ قَالَ  
إِنَّمَا يُتَقَبَّلُ لِلَّهِ مِنَ الْمُتَّقِينَ ٢٧

Maksudnya: “Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, iaitu ketika mereka berdua mempersembahkan satu persembahan korban (kerana mendampirkan diri kepada Allah). Lalu diterima korban salah seorang di antaranya (Habil), dan tidak diterima (korban) dari yang lain (Qabil). Berkata (Qabil), Sesungguhnya aku akan

<sup>33</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 139.

<sup>34</sup> Fakhr al-Din al-Razi. Mafatih al-Ghayb. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi; Beirut. (2000), hlm. 453.

membunuhmu!. (Habil) menjawab, Hanyasanya Allah menerima (korban) dari orang-orang yang bertaqwa”.<sup>35</sup>

Analisis kalam Imam al-Razi:

Imam al-Razi menyebutkan bahawa kisah Habil dan Qabil yang mengandungi unsur dengki serta iri hati terhadap kurniaan Allah, membina kesedaran bahawa musibah bukanlah tanda kegagalan, sebaliknya bukti ketinggian nilai nikmat yang dibawa sehingga mendatangkan dengki dari insan lain. Setiap yang didengki pasti ada nilainya pada mata pendengki. Allah menceritakan kisah umat terdahulu sebagai cerminan terhadap situasi Rasulullah SAW untuk menenangkan hati baginda ketika menghadapi penolakan dan tipu daya daripada kaum musyrikin serta ahli kitab.<sup>36</sup> Dalam huraian ayat tasliyah ini, Imam al-Razi secara halus menghubungkan penceritaan tentang Bani Israel dan kaum Nasrani dengan kedudukan Rasulullah SAW sebagai penerima nikmat terbesar, iaitu risalah Islam untuk membentuk satu kefahaman bahawa setiap orang yang dikurniakan nikmat akan didengki. Melalui gaya tafsirnya, Imam al-Razi membina bentuk *tasliyah* yang menggabungkan rasional dan spiritual. beliau tidak hanya membawa pembaca kepada cabaran yang dihadapi Rasulullah SAW, bahkan mengalihkan perhatian pembaca kepada kesedaran bahawa musuh-musuh baginda bertindak demikian kerana hasad terhadap kebenaran yang dibawa. Maka, *tasliyah* pada ayat ini berfungsi untuk mengukuhkan hati dan memberi peringatan bahawa segala ujian berada di bawah perancangan Allah.

Imam al-Razi menutup tafsiran ayat ini dengan mesej ketaqwaan dan tawakal dengan firman Allah<sup>37</sup>:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ هُمْ قَوْمٌ أَن يَبْسُطُوا إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ فَكَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ١١

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah (yang telah dikurniakanNya) kepada kamu ketika kaum (kafir yang memusuhi kamu) hendak menghulurkan tangannya (untuk menyerang kamu), lalu Allah menahan tangan mereka daripada (menyerang) kamu. Oleh itu, bertaqwalah

<sup>35</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 204-205.

<sup>36</sup> Fakhr al-Din al-Razi. Mafatih al-Ghayb. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi: Beirut. (2000), hlm. 336.

<sup>37</sup> Ibid.

kamu kepada Allah dan kepada Allah jualah (sesudah bertaqwa itu) hendaklah orang-orang yang beriman berserah diri.”<sup>38</sup> (Surah Al-Maidah, 5:11)

Melalui penjelasan ayat ini, Imam al-Razi menonjolkan wajah *tasliyah* yang membawa kefahaman bahawa ciri-ciri *tasliyah* tidak hanya untuk menenangkan, tetapi juga mendidik dan memandu umat Islam untuk terus bertaqwa dan berserah kepada Allah, yang Maha Mencipta dan Maha Mengetahui akan segalanya. Dari ayat ini memperlihatkan manhaj tarbawi dan tazkiyah dalam tafsiran beliau terhadap ayat-ayat *tasliyah*. Ini sejajar dengan huraian Imam al-Razi yang menggariskan bahawa hikmah di sebalik kisah-kisah itu adalah untuk membentuk kesedaran spiritual iaitu kewajipan bertawakal dengan menyerahkan diri kepada Allah.

#### 5.4 Surah Al-A'raf: 87

وَإِنْ كَانَ طَائِفَةٌ مِّنْكُمْ ءَامَنُوا بِالَّذِي أَنزَلْنَا بِهِ ءَوَاطِنًا لَّمْ يُؤْمِنُوا فَأَصْبِرُوا حَتَّىٰ يَخُذَ اللَّهُ بَيْنَنَا وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ ٨٧

Maksudnya: “Dan jika ada segolongan dari kamu beriman kepada wahyu (perintah-perintah Allah) yang aku telah diutuskan untuk menyampaikannya, dan segolongan lagi tidak beriman, maka sabarlah sehingga Allah menjalankan hukumNya di antara kita semua dan Dia lah jua sebaik-baik hakim.”<sup>39</sup>

Analisis kalam Imam al-Razi:

Ayat ini memuatkan unsur *tasliyah* dalam dua dimensi. Pertama, penenang hati orang beriman melalui perintah untuk bersabar. Kedua, ancaman terhadap golongan kafir yang menolak kebenaran. Firman Allah “*maka sabarlah sehingga Allah menjalankan hukumNya di antara kita semua*” mengandungi dua makna yang saling berkait iaitu seruan kepada kesabaran sebagai satu bentuk pujukan, dan ancaman yang halus kepada golongan ingkar. Penegasan seterusnya, “*dan Dia lah jua sebaik-baik hakim*”, untuk meneguhkan hati orang beriman bahawa keputusan Allah itu bebas daripada sebarang kezaliman atau kecacatan dalam keadilan. Justeru secara tidak langsung orang beriman diberi jaminan bahawa kebenaran akan berpihak

<sup>38</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 200.

<sup>39</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 293.

kepada orang beriman, sama ada di dunia mahupun akhirat.<sup>40</sup> Bentuk *tasliyah* pada ayat ini dapat dilihat melalui keseimbangan antara elemen ketenangan terhadap mukmin dan ancaman terhadap kafir. Ini menunjukkan bahawa *tasliyah* bukan sekadar kelembutan emosi, tetapi mengandungi strategi yang tersendiri dalam menguatkan ketenangan dalam jiwa orang beriman. Dalam pujukan buat satu golongan, ada amaran yang menggentarkan serentak buat satu golongan yang lain.

## 5.5 Surah Al-A'raf: 144

قَالَ يٰمُوسَىٰ إِنِّي اصْطَفَيْتُكَ عَلَى النَّاسِ بِرِسَالَتِي وَبِكَلِمِي فَخُذْ مَا آتَيْنَاكَ وَكُن مِّنَ الشَّاكِرِينَ ١٤٤

Maksudnya: “Allah berfirman: Wahai Musa! Sesungguhnya Aku memilihmu melebihi umat manusia (yang ada pada zamanmu), dengan membawa perutusanKu (Kitab Taurat) dan dengan KalamKu, oleh itu, terimalah apa yang Aku kurniakan kepadamu, dan jadikanlah dirimu dari orang-orang yang bersyukur.”<sup>41</sup>

Analisis kalam Imam al-Razi:

Imam al-Razi memperlihatkan *tasliyah* pada ayat ini melalui peringatan semula terhadap nikmat dan pengalihan fokus daripada perkara yang tidak tercapai kepada anugerah yang telah dimiliki. Dalam peristiwa permintaan Nabi Musa untuk melihat Allah yang tidak diperkenankan oleh-Nya, Allah menenangkan hati Nabi Musa bukan dengan penafian yang keras, tetapi dengan mengalihkan perhatian baginda kepada pelbagai nikmat besar yang telah dikurniakan buat baginda sebelumnya. Imam al-Razi mentafsirkan bahawa *tasliyah* dalam ayat ini berlaku melalui pendekatan lembut dan penuh hikmah. Walaupun permintaan Nabi Musa ditolak, lihatlah betapa banyak nikmat besar yang telah Allah berikan kepadanya.<sup>42</sup> Ini adalah bentuk *tasliyah* yang membina, kerana ia mengajar untuk mensyukuri apa yang ada, dan tidak larut dalam kekecewaan terhadap apa yang tidak tercapai. Dalam ayat ini, Allah mendidik Nabi Musa agar tidak merasa sempit hati, tetapi memenuhi hatinya dengan kesyukuran agar dapat memperoleh ketenangan dan kekuatan jiwa. Bentuk *tasliyah* pada ayat ini dapat dilihat melalui penekanan syukur sebagai penawar kepada kekecewaan, serta melalui didikan bahawa

<sup>40</sup> Fakhr al-Din al-Razi. Mafatih al-Ghayb. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi: Beirut. (2000), hlm. 315.

<sup>41</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 304-305.

<sup>42</sup> Fakhr al-Din al-Razi. Mafatih al-Ghayb. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi: Beirut. (2000), hlm. 359.

penerimaan terhadap kehendak Allah perlu disertai kesedaran terhadap limpahan nikmat-Nya. Ini membina kekuatan rohani dan ketenangan hati dalam menghadapi ketentuan Ilahi.

## Rumusan

Secara rumusannya, kaedah *tasliyah* yang dibawa oleh Imam al-Razi dalam tema ini adalah melalui ayat yang mengingatkan kepada arahan rohani seperti arahan untuk sabar, solat dan tawakal. Kebanyakan ayat dalam tema ini adalah melalui peringatan. Ini kerana, Imam al-Razi menyebutkan bahawa dengan beribadah dapat memberi ketenangan jiwa. Semua arahan rohani yang dibawa dalam tema ini adalah bertujuan untuk menenangkan jiwa Rasulullah SAW dan memberi motivasi melalui arahan sabar, solat, tawakal dan sebagainya. Semua arahan ini adalah untuk memandu orang beriman supaya berpegang dengan panduan yang terdapat dalam setiap ayat *tasliyah*. Dengan menyibukkan diri beribadah dan mensyukuri nikmat, maka akan kuranglah rasa sedih di atas setiap ujian penolakan dan juga ujian kehidupan lainnya. Sebagai rumusan, arahan rohani yang diberikan Allah merupakan simbolik kepada umat Islam supaya mengutamakan ketaatan kepada Allah.

## 6. Tema *Tasliyah* Melalui Perspektif Akhirat Dan Kefanaan Dunia

*Tasliyah* melalui perspektif akhirat dan kefanaan dunia dimaksudkan dengan pujukan Allah melalui hakikat sebenar kehidupan iaitu kehidupan dunia hanya sementara dan bukan matlamat akhir manusia. Ini kerana, setiap makhluk pasti akan menemui kematian. Sebaliknya, dunia berperanan sebagai ladang amal bagi memperoleh kehidupan abadi di akhirat. Seorang Muslim yang beriman seharusnya menjadikan akhirat sebagai tujuan akhir yang utama dengan memanfaatkan kehidupan dunia untuk beramal soleh.<sup>43</sup> Setiap ujian di dunia akan berakhir dan setiap makhluk pasti akan kembali ke akhirat untuk kehidupan yang abadi. Berikut adalah ayat yang dikenalpasti bertepatan dengan tema *tasliyah* melalui perspektif akhirat dan kefanaan dunia.

### 6.1 Surah Ali Imran: 185

كُلُّ نَفْسٍ دَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ حَ عَنْ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ۝ ١٨٥

<sup>43</sup> Deni Sopiansyah, Nurwadjah Ahmad EQ, Andewi Suhartini. "Kehidupan Dunia dan Akhirat Dalam Perspektif Pendidikan Islam". As-Syari Jurnal Bimbingan & Konseling Keluarga (2021). 3(2): 134-149.

Maksudnya: “Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahalalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.”<sup>44</sup>

Analisis kalam Imam al-Razi:

*Tasliyah* pada ayat ini adalah dengan mengalihkan fokus Rasulullah SAW daripada kesedihan dunia kepada hakikat kematian dan hakikat akhirat. Dalam tafsir Imam al-Razi, ayat “Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati” berfungsi sebagai pujukan yang mendalam kerana ia mengingatkan bahawa segala kesulitan dan kedukaan di dunia hanyalah sementara dan tidak seharusnya menjadi beban besar dalam kehidupan seorang mukmin, apatah lagi seorang rasul. Imam al-Razi menekankan dua bentuk *tasliyah* dalam ayat ini. Pertama, kematian sebagai pengakhiran bagi semua makhluk menunjukkan bahawa penderitaan dunia bersifat sementara dan tidak seharusnya menjadi punca kesedihan yang berpanjangan. Ini memberi kelegaan kepada Rasulullah SAW dalam menghadapi ujian berat, dengan menyedari bahawa semua ujian ini akan berlalu. Kedua, janji keadilan dan ganjaran di akhirat bahawa di sana akan berlaku pemisahan antara kebaikan dan keburukan, dan balasan sempurna akan diberikan khususnya kepada orang-orang yang sabar dan teguh atas jalan kebenaran.<sup>45</sup>

Gabungan dua aspek pada ayat ini iaitu kefanaan dunia dan jaminan keadilan akhirat menonjolkan wajah *tasliyah* berasaskan aqidah dengan berpandangan jauh yang membina kekuatan dalaman Rasulullah SAW dan orang-orang beriman untuk melihat makna sebenar kehidupan, serta menenangkan jiwa dalam menghadapi dugaan. Menurut Imam al-Razi, *tasliyah* seperti ini adalah hujah yang sangat kuat dalam menghilangkan kesedihan dan kemurungan dari hati orang-orang yang berakal.

## 6.2 Surah Muhammad: 36

إِنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌّ وَلَهْوٌ وَإِن تُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا يُؤْتِكُمْ أُجُورَكُمْ وَلَا يَسْأَلْكُمْ أَمْوَالَكُمْ ۚ ٣٦

<sup>44</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 139.

<sup>45</sup> Fakhr al-Din al-Razi. Mafatih al-Ghayb. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi: Beirut. (2000), hlm. 451.

Maksudnya: “(Ingatlah!) bahawa kehidupan dunia (yang tidak berdasarkan iman dan taqwa) hanyalah ibarat permainan dan hiburan. Dan jika kamu beriman serta bertaqwa, Allah akan memberikan kepada kamu pahala bawaan amal kamu, dan ia tidak meminta kepada kamu akan harta benda kamu (melainkan untuk memberikan kamu barang yang lebih baik daripadanya).”<sup>46</sup>

Analisis kalam Imam al-Razi:

*Tasliyah* pada ayat ini memperlihatkan keperluan untuk orang beriman faham bahawa permainan dan gurau senda dikaitkan dengan dunia kerana ianya dapat mengalihkan tujuan asal manusia di dunia iaitu untuk menuju akhirat. Kemudian di penghujung ayat yang sama, Allah berfirman “Dan jika kamu beriman dan bertakwa, Allah akan memberikan pahala kepadamu”. Penutup ayat ini adalah sebagai pengulangan janji ganjaran Allah buat orang yang konsisten menjaga iman dan taqwa.<sup>47</sup> Tafsiran pada ayat ini memperlihatkan manhaj *tasliyah* Imam al-Razi yang bersifat reflektif di mana elemen *tasliyah* tidak hanya hadir dalam bentuk pujukan rohani, tetapi juga melalui penjelasan logik dan nilai-nilai kehidupan yang membantu menjelaskan tujuan hidup. Dalam konteks ini, Imam al-Razi menjelaskan bagaimana hiburan dan permainan dunia boleh menjadi faktor yang melalaikan dan menghalang seseorang daripada mengejar akhirat. Namun, beliau juga menegaskan bahawa jika seseorang tetap istiqamah, maka ganjaran di sisi Allah tetap tidak akan sia-sia walaupun kemenangan zahir tidak diperoleh di dunia.

Bentuk *tasliyah* pada ayat ini memberi kefahaman bahawa kehidupan di dunia ini adalah permainan dan senda gurau, dan orang yang beriman serta bertakwa haruslah mengingati tujuan asal manusia diciptakan di dunia adalah untuk beramal menuju ke hari akhirat. Ini adalah pendekatan *tasliyah* Imam al-Razi yang unik dengan menggabungkan harapan, kefahaman, dan amaran untuk memandu hati agar terus berpaut kepada Allah dalam keikhlasan dan kesungguhan.

### 6.3 Surah An-Najm: 25

فَلِلَّهِ الْآخِرَةُ وَالْأُولَىٰ ۚ ٢٥

<sup>46</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 1122.

<sup>47</sup> Fakhr al-Din al-Razi. Mafatih al-Ghayb. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi; Beirut. (2000), hlm. 62.

Maksudnya: “Kerana Allah jualah yang menguasai segala urusan akhirat dan urusan dunia.”<sup>48</sup>

Analisis kalam Imam al-Razi:

Imam al-Razi menjelaskan bahawa ayat ini turun setelah Rasulullah SAW menyampaikan dakwah tauhid kepada kaumnya, namun mereka tetap enggan beriman. Maka Allah menenangkan hati Baginda dengan mengingatkan bahawa dunia dan akhirat adalah milik Allah sepenuhnya. Ini bermakna, penolakan mereka tidak menjejaskan kekuasaan Allah atau melemahkan kedudukan dakwah Nabi.<sup>49</sup> Ungkapan ini memberi jaminan bahawa segala urusan sama ada balasan di dunia mahupun di akhirat berada di bawah kuasa mutlak Allah. Maka Rasulullah SAW tidak perlu bersedih atau berasa gagal, kerana kejayaan sebenar tidak diukur melalui penerimaan manusia, tetapi melalui penyampaian yang telah dilaksanakan dengan sempurna. Ayat ini menguatkan hati Baginda agar tetap teguh dan menyerahkan urusan petunjuk kepada Allah semata.

#### 6.4 Surah An-Najm: 42

وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ أَلْمُنْتَهَىٰ ٤٢

Maksudnya: “Dan bahawa sesungguhnya kepada hukum Tuhanmu lah kesudahan (segala perkara).”<sup>50</sup>

Analisis kalam Imam al-Razi:

Ayat ini dikategorikan sebagai bentuk *tasliyah* yang lembut dan mendalam dalam manhaj Imam al-Razi. Secara khususnya ayat ini ditujukan kepada Rasulullah SAW. Dalam konteks ini, Allah menenangkan hati Baginda dengan mengingatkan bahawa segala urusan dan kesudahan akan kembali kepada Allah, Tuhan yang Maha Berkuasa dan Maha Adil. Meskipun baginda menghadapi penolakan dan cercaan daripada kaumnya, hakikatnya mereka semua termasuk Rasulullah SAW akan dikembalikan kepada Tuhan yang satu, tempat bergantung segala makhluk. Ini mengangkat kedudukan dakwah

<sup>48</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 1172.

<sup>49</sup> Fakhr al-Din al-Razi. Mafatih al-Ghayb. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi: Beirut. (2000), hlm. 253.

<sup>50</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur, (2000), hlm. 1174.

Baginda dan menolak anggapan bahawa kekuatan kaum musyrikin boleh melemahkan risalah kebenaran.<sup>51</sup>

Menurut Imam al-Razi, jika ayat ini difahami secara umum, ia membawa ancaman kepada orang yang zalim dan harapan kepada orang yang beriman kerana setiap manusia akan kembali kepada Allah. Namun, apabila ia ditujukan khusus kepada Rasulullah SAW, ia menjadi pujukan yang penuh kelembutan seolah Allah berkata: “Jangan bersedih atas penolakan mereka, kerana segala urusan akhirnya kembali kepada-Ku dan Aku Maha Mengetahui segalanya.” Maka ayat ini memberi keteguhan hati kepada Rasulullah SAW bahawa kemenangan dan keadilan akan terlaksana oleh Allah jua, sama ada di dunia mahupun di akhirat.

### Rumusan

Secara kesimpulannya, Imam al-Razi membawa *tasliyah* dalam tema ini menggunakan kaedah penerangan tentang adanya dunia serta kematian dan adanya hari akhirat buat setiap manusia. Semua manusia akan dikembalikan kepada Allah apabila tibanya kematian. Kemudian diperlihatkan juga *tasliyah* melalui huraian hakikat dunia yang diibaratkan sebagai medan permainan dan gurau senda. Dunia akan berakhir apabila tiba masanya, sama ada berakhir dengan kematian atau dengan kemunculan hari kiamat. Akhir sekali, Imam al-Razi menggunakan kaedah peringatan tentang hari akhirat yang akan memperlihatkan perbezaan di antara yang beriman dan yang kufur.

Setiap kaedah *tasliyah* di dalam tema ini adalah membawa tujuan untuk membina kekuatan dalaman buat Rasulullah SAW dan orang beriman dalam menghadapi ujian, mendorong sikap sabar, memberi ketenangan tentang segala ujian yang tidak kekal dan akan berakhir, meneguhkan hati dengan penjelasan tujuan hidup di dunia, memberikan harapan kepada orang beriman dan ancaman kepada kaum musyrikin serta mengingatkan Rasulullah SAW dan orang beriman tentang hakikat kehidupan bahawa setiap manusia akan kembali kepada Allah juga. Tiada yang dapat menandingi takdir dan kuasa Allah.

## 7. Kesimpulan

Tema yang dibentangkan dalam kajian ini secara asasnya merupakan hasil analisis ayat *tasliyah* dari *Tafsir Mafatih al-Ghayb* karangan Imam al-Razi. Melalui pendekatan analisis terhadap huraian beliau bagi setiap ayat *tasliyah*, kajian telah mengklasifikasikan ayat-ayat tersebut kepada dua tema utama

---

<sup>51</sup> Fakhr al-Din al-Razi. *Mafatih al-Ghayb*. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi; Beirut. (2000), hlm. 279.

yang saling berkaitan iaitu tema *tasliyah* melalui arahan rohani dan tema *tasliyah* melalui perspektif akhirat dan kefanaan dunia. Pemahaman terhadap kajian ini signifikan dalam memberikan pendedahan yang lebih mendalam mengenai tafsir ayat *tasliyah* di dalam al-Quran dari perspektif pentafsiran Imam al-Razi, khususnya mengikut pengkelasan tema yang dikenalpasti berdasarkan tafsir beliau. Kajian ini dapat mengenal pasti teknik-teknik yang digunakan untuk menenangkan, menguatkan semangat, atau menyampaikan mesej kepada Rasulullah SAW.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abid Nurhuda, Inamul Hasan, dan Ts. Engku Shahrulerizal. The Urgency Of Prayer In Life Based On The Al-Qur'an Perspective. Lisan Al-Hal: Jurnal Pengembangan Pemikiran dan Kebudayaan, Vol. 17, No. 1 (2023): 52-61.

Ahmad Mukhtar. Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah, Mesir: 'Alam al-Kutub, 2008.

Alis Muhlis, Za'im Kholilatul Ummi. Pemaknaan Ayat Seribu Dinar (Studi Komparasi antara Tafsir Rūh al-Ma'ānī Karya Al-Alusi dan Tafsir Mafātih al-Ghaib Karya Al-Razi). Al-Tadabbur: Jurnal Kajian Sosial, Peradaban dan Agama, Vol. 6, No. 1. (2020).

Ahmad Nazri. Tafsiran Ayat-Ayat Sifat: Perbandingan Antara Fakh Al-Din Al-Razi dan Ibn Taymiyyah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2010.

Aqil Mujtaba, Abu Bakar. Elaboration Of Tasliyah Verses: A Hermeneutic Study On'hāshiyah As-Sāwi 'Alā Tafsīr Al-Jalālain. Jurnal Ilmiah Al-Mu'ashirah: Media Kajian Al-Qur'an dan Al-Hadits Multi Perspektif, 21(1): 80-91. 2024.

Deni Sopiensyah, Nurwadjah Ahmad EQ, Andewi Suhartini. "Kehidupan Dunia dan Akhirat Dalam Perspektif Pendidikan Islam". As-Syari Jurnal Bimbingan & Konseling Keluarga, 3(2): 134-149. 2021.

Evita Yuliatul Wahidah. "Resiliensi Perspektif al-Quran". Jurnal Islam Nusantara, Vol. 02, No. 01: 105-120. 2018.

Fakhr al-Din al-Razi. Mafatih al-Ghayb. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi: Beirut. 2000.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 Juzu'. Darul Fikir: Kuala Lumpur. 2000.

M. Hamid Syahir Farhan. "Tasliyah al-Quran al-Mubin li al-Nabi Khotim al-Mursalin," Jurnal Kuliah Ulum Islamiyah. 312-339. 2012.

- Majma' al-Lughati al-'Arabiyah. "Al-Mu'jam al-Wasit". Maktabah al-Syuruq al-Dauliyah: Mesir. 2011.
- Muhamad Khairul Anuar dan Mohd Zulkhairi Abd Hamid. Unsur tarbiyah di sebalik gaya bahasa dialog Nabi Ibrahim dengan Azar. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 4(1). 2021.
- Mu'jam al- Ma'ani al-Jami'. Almaany.com. 2025
- Nazzala Aulian Nafi', Miftarah Ainul Mufid, Ahmad Zainuddin, dan Wiwin Anis Rohtih. "Konsep Berpikir Kritis Perspektif Imam Fakhruddin ar-Razi (Interpretasi QA. Ali Imran: 190-191 dan Qs. Az-Zumar: 18)". *Triwikrama: jurnal Multidisiplin Ilmu Sosial*, Vol. 1, No. 2 (2023).
- Nor Jannah, Najwa Hanim, Zul Azlin, Muhammad Al-Siddiq, dan Mohd Razali. *Grief & Personal Growth: Reflection from Quran, Hadith and Modern Medicine*. *IIUM Medical Journal Malaysia* 17, Vol. 2: 243-248. 2018.
- Rahim, K. Z., Khairulnazrin Nasir, dan Saifullah Mamat. "Interpretasi Ayāt Al-Tasliyah: Penelitian Mekanisme Alternatif Rawatan Psikoterapi Pesakit Neurosis Berteraskan Al-Quran." *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Kali Ke-4 (Pasak 4 2019)*: 93-105
- Shinta Nuriya, Achmad Khudori, dan Muhammad Rafi. "The Role of Patience in Coping Mental Problems: A Quranic Perspective. *Tribakti Jurnal Pemikiran Keislaman*, 34 (2): 195-212. 2023.
- Ulil Azmi, *Studi Kitab Tafsir Mafatih Al-Ghaib Karya Ar-Razi*. *Basha'ir: Jurnal Studi Al-Quran dan Tafsir*. 2022.
- Zahran, Umar Zahran. *Al-Tasliyah fi Al-Quran Al-Karim Dirasah Maudhu'iyah: Tasliyah dalam al-Quran: Satu Kajian Tematik*. Palestin: Universiti al-Najah al-Wataniyah. 2017.
- Zahran Umar dan Muhsin Samih. "Tasliyah al-Anbiya' wa al-Auliya' Dirasah Quraniyah." *An-Najah Journal*. 2018.